

Penilaian Aktiviti Kokurikulum Berkredit Berasaskan Kontrak Pembelajaran di UKM (*Credited Co-curricular Activities Evaluation Based On Learning Contract in UKM*)

JUMALI HJ SELAMAT, KHAIDZIR HJ ISMAIL, KADARUDDIN AIYUB, KADIR ARIFIN,
LUKMAN Z. MOHAMAD, ROSLEE RAJIKAN, AZAHAN AWANG, MOHD.
HELMY ABD RAHIM & NORFADILLAH DERAHIM

ABSTRAK

Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di setiap institusi pengajian tinggi adalah pelengkap kepada proses keilmuan dengan tujuan membina sahsiah dan kemahiran insaniah pelajar bagi mewujudkan modal insan negara yang berkualiti. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di IPT mempunyai nilai kredit yang khusus, bagaimanapun bentuk penilaian dan pelaksanaannya adalah berbeza-beza. Pelaksanaan dan penilaian aktiviti kokurikulum di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengambil pendekatan yang lebih luwes dengan memberi kebebasan penuh kepada pelajar mewujudkan aktiviti sendiri berpandukan kontrak pembelajaran yang dipersetujui bersama antara universiti dan pelajar. Atas alasan ini, maka satu kajian awal telah dijalankan untuk mengenalpasti tahap kefahaman, pengetahuan dan kesediaan pelajar dalam pelaksanaan kontrak pembelajaran. Kaedah soal selidik telah digunakan bagi menilai seramai 51 responden yang terdiri daripada peserta bengkel 'Training of Trainers' (TOT). Data kajian telah dianalisis menggunakan SPSS. Hasil kajian mendapati tahap kefahaman pelajar tentang kontrak pembelajaran berada pada tahap cemerlang (min antara 4.06 hingga 4.16), lebih 85 peratus tahap pengetahuan pelajar memahami dengan jelas dan tahap penerimaan yang tinggi (min antara 4.02 hingga 4.46). Sementara itu, hasil pelaksanaan kontrak pembelajaran pelajar mengakui mencapai kesemua prinsip kontrak pembelajaran (min antara 3.92 hingga 4.25) dan mencapai kesemua hasil pembelajaran (min antara 4.00 hingga 4.18). Daripada 32 elemen dalam 8 hasil pembelajaran yang dinilai, 21 elemen berada pada tahap sangat tinggi dan 11 yang lain pada tahap tinggi. Implikasinya, pelaksanaan kontrak pembelajaran terhadap pelajar jelas menunjukkan kejayaan. Pelaksanaan pendekatan baru penilaian aktiviti kokurikulum berkredit ini berada pada landasan yang betul. Bagaimanapun, usaha memperkukuh dan meluaskan lagi sumber dan informasi perlu diteruskan bagi menambahbaik 11 elemen yang berada pada tahap tinggi.

Kata kunci: kontrak pembelajaran, pelajar IPT, kokurikulum berkredit, kemahiran insaniah, hasil pembelajaran

ABSTRACT

Co-curricular or extra-curricular activities are an integral part of knowledge in supporting students' generic skills development in order to become quality human capital. In general, co-curricular activities in higher education institutions (HEIs) in Malaysia are of similar fields. However, the institutions have their own way to assess and evaluate the students' involvements in these activities. In relation to this, as of 2010/2011 academic session, the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) has implemented a more flexible approach whereby students are given more freedom at choosing, creating and carrying out the activities based on a learning contract which are drawn out and agreed upon by the students and supervisors prior to the implementation of the said activities. A survey was conducted in order to determine the level of knowledge and understanding among students in relation to the learning contract and their readiness to use the learning contract in their next co-curricular activities. A set of

questionnaire was developed and used as a research tool for that purpose. Fifty one respondents were selected from the Training for Trainers (TOT) Workshop to participate in this survey. The study found that the level of understanding (Mean value = 4.06-4.16) and acceptance (Mean value = 4.02-4.46) of the co-curricular activities learning contract among students are excellent. It was also reported that 86% of the students have clear knowledge about the learning contract and its implementation for co-curricular activities. The majority of students stated that they had achieved all the learning contract principles (Mean value = 3.92-4.25) and learning outcomes (Mean value = 4.00-4.18) required. In general, this research showed positive results on the implementation of learning contract in co-curricular activities in the UKM. The new approach to implementing and assessing co-curricular activities has already been accepted by most UKM students. Nevertheless, in order to achieve the optimum results, continuous steps should be taken by the respective parties to ensure that the students are well informed about the status of the learning contract.

Keywords: *Learning contract, student of higher education, credited co-curriculum, generic skills, learning outcome*

PENGENALAN

Penilaian kepada pelajar menjadi perkara asas dalam mana-mana sistem pendidikan. Penilaian berasaskan gred yang diberi dengan kriteria yang ditentukan oleh pengajar (Hardigan 1994) dan yang terlalu berorientasikan sistem peperiksaan bertulis dan proses pembelajaran pasif yang berpusatkan pensyarah (Othman Hussain et al. 2008) dikatakan menjadi halangan kepada proses pembelajaran yang efektif dan penguasaan kemahiran insaniah. Dalam konteks pendidikan sekarang, aktiviti pembelajaran distrukturkan oleh pengajar dan institusi. Pelajar diberitahu apa objektif yang harus dicapai, apa sumber yang boleh dan akan digunakan dan bagaimana pencapaian dinilai (Knowles 1980, 1984, 1986).

Ilmu yang dipelajari lebih berharga jika diaplikasikan secara praktikal dan bukan hanya semata-mata untuk lulus peperiksaan dan berkisar di dalam bilik kuliah sahaja. Kursus kokurikulum boleh dijadikan landasan bagi pelajar mengembangkan minat dan bakat yang mungkin terbatas dalam kurikulum khusus pengajian mereka (Mahoney et al. 2003; Jamaludin et al. 2009; Canham & Bennett 2002). Penganjuran pelbagai aktiviti atau projek yang dikendalikan oleh pelajar secara tidak langsung membantu mendedahkan mereka kepada realiti dunia luar, cara kerja dan cabaran sebenar. Pengalaman yang diperolehi ini dapat membantu individu membina personaliti yang baik (Jumali et al. 2010) dan mampu menguasai kemahiran insaniah.

Kokurikulum berkecuali berasaskan kontrak pembelajaran yang dilaksanakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah cetusan pemikiran Naib Canselor dan kerisauannya terhadap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar UKM (Sharifah Hapsah 2011). Ia merupakan suatu pendekatan baru dalam pelaksanaan dan penilaian kokurikulum di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. UKM cuba mengubah konsep pembelajaran dan kerangka pemikiran warganya berkaitan dengan ilmu yang dimiliki serta bentuk penilaian yang lebih praktikal. Konsep kokurikulum di UKM mendasari aktiviti pemacu sendiri pelajar (*student-driven*) yang bermatlamat ke arah pemerolehan pengetahuan dan peningkatan kemahiran insaniah. Pendekatan baru ini adalah berpaksi kepada lapan prinsip (Rajah 1).

Aktiviti atau program dijalankan di pelbagai pusat pembelajaran yang dipilih mengikut minat dan kecenderungan pelajar bagi mengasah bakat dan menggarap kemahiran dalam suasana pembelajaran yang luwes (*flexible*) dan menyeronokkan (*enjoyable*). Penyertaan dan penghayatan pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*) menerusi aktiviti yang bersifat asli (*authentic*) menjadikan aktiviti kokurikulum sebagai wadah pelengkap kepada pengalaman pembelajaran menyeluruh (*total learning experience*) berasaskan sikap saling mempercayai dan jujur (*honour*) selaras dengan matlamat Pusat Akreditasi Pembelajaran dan aspirasi UKM.

Pelaksanaan pendekatan baru ini ditetapkan untuk mencapai lapan hasil pembelajaran iaitu kemahiran sosial dan kebertanggungjawaban, kemahiran komunikasi, kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat, nilai, sikap, etika dan profesionalisme, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan pendekatan saintifik, kepimpinan dan kerja berpasukan,

kemahiran pengurusan dan keusahawanan serta kemahiran kreatif dan inovatif. Pencapaian hasil pembelajaran ini diharapkan mampu melahirkan graduan yang dapat mengadaptasi pengalaman kehidupan dalam pelbagai konteks yang berupaya dan berdaya saing di pasaran kebangsaan dan antarabangsa.



RAJAH 1: Lapan Prinsip Dalam Pelaksanaan Kokurikulum Berkredit Berasaskan Kontrak Pembelajaran

Kertas ini mengupas hasil analisis berasaskan tiga isu utama iaitu: (i) tahap kefahaman dan pengetahuan pelajar tentang konsep kontrak pembelajaran (ii) gambaran awal penerimaan dan kesediaan pelajar berkaitan pelaksanaan kontrak pembelajaran di UKM dan, (3) implikasi pelaksanaannya terhadap kemahiran insaniah pelajar.

KONTRAK PEMBELAJARAN

Konsep kontrak pembelajaran telah dibangunkan oleh Malcolm Knowles (1980) yang berasaskan pembelajaran sendiri. Caffarella dan O'Donnell (1989) dipetik dari Merriam dan Caffarella (1991) mendefinisikan kontrak pembelajaran sebagai satu bentuk pembelajaran di mana pelajar mempunyai tanggungjawab utama untuk merancang, melaksanakan dan menilai pengalaman pembelajaran mereka sendiri.

Konsep dan kaedah kontrak pembelajaran telah diuji dan dilaksanakan dalam institusi pendidikan dan dunia pekerjaan. Brookfield (1986) menyifatkannya sebagai '*the chief mechanism used as an enhancement of self direction*'. Sejak dua dekad yang lepas, konsep ini telah mendapat perhatian dan diterima dalam persekitaran pembelajaran (Brockett & Hiemstra 1991) di seluruh dunia. Kontrak pembelajaran telah digunakan secara meluas dalam kurikulum pendidikan kerja sosial (Dore 1994; Davis 1993; Coulshed 1993; Parsons & Durst 1992), bidang pendidikan kejururawatan (Martens 1981), pendidikan farmasi (Hardigan 1994), pendidikan klinikal fisioterapi (Cross 1996) dan pemerksaan pelajar dalam bilik kuliah (Huff & Johnson 1998).

Kontrak pembelajaran adalah alat yang membantu proses pembelajaran sendiri yang khusus kepada keperluan pelajar itu sendiri (McAllister 1996) serta membangunkan autonomi pelajar bagi mencapai matlamat

pembelajaran yang ditentukan oleh pelajar sendiri (Knowles 1984; Dart & Clarke 1991). Kontrak dibangunkan melalui perundingan antara pengajar dan pelajar yang melibatkan kolaborasi, dialog dan kebertanggungjawaban bersama. Pelajar diberi kuasa membuat keputusan dengan jangkaan mereka boleh dan akan bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran dan menunjukkan hasil yang diperlukan (Freedberg 1989; Lemieux 2001; Cross 1996). Ianya adalah satu set rundingan aktiviti yang membolehkan pelajar bekerjasama secara bebas dengan tenaga pengajar, sama ada secara individu atau kumpulan kecil dalam menentukan aktiviti, hasil pembelajaran, strategi dan sumber-sumber yang diperlukan untuk mencapai matlamat. Kontrak pembelajaran juga merupakan sebahagian daripada perancangan seseorang pendidik untuk proses pembelajaran pelajar, yang mana ia tidak mewakili keseluruhan program, sebaliknya merupakan lanjutan unit terancang pengajian (Wilson & Cutting 2001; Goriunova 2010; Lemieux 2001). Proses kontrak digunakan berkaitan dengan pengalaman praktikal pelajar untuk meningkatkan pengorganisasian, pemerksaan dan kebertanggungjawab bersama (Collins & Ottley 1986; Fox & Zischka 1989; Wilson 1981; Huff & Johnson 1998).

Dalam konteks UKM, pendekatan baru ini digunakan untuk penilaian kredit kurikulum. Kontrak pembelajaran adalah persetujuan antara pelajar dan pengajar untuk melaksanakan aktiviti atau projek. Pelajar bertanggungjawab membuat perancangan yang kemudiannya dipersetujui secara bersama dengan pengajar dan kemudiannya melaksanakan projek sepertimana yang dipersetujui (Sharifah Hapsah et. al., 2011).

Matlamat dan jenis aktiviti yang ingin dilaksanakan oleh seseorang pelajar perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pengajar yang dipilih oleh pelajar sendiri. Kemudiannya, pelajar dan pengajar pilihan, akan menandatangani satu perjanjian bertulis yang dinamakan 'kontrak pembelajaran'. Penggunaan kontrak ini mengikat mereka yang terlibat melaksanakan apa yang dijanjikan. Ini adalah kerana perjanjian bertulis merupakan dokumen yang menerangkan secara terperinci tentang apa yang pelajar akan belajar,

bagaimana pelajar akan belajar, dan menentukan perkembangan diri sendiri serta bagaimana pelajar akan dinilai untuk mencapai matlamat (Sweitzer & King 2008).

Diharapkan graduan yang terhasil daripada mekanisme ini mempunyai kemahiran yang tinggi dalam berkomunikasi, boleh berkerjasama dalam pasukan, membuat perancangan dan penganjuran sesuatu aktiviti, serta mempunyai pemikiran analitikal, cekap dalam penyelesaian masalah dan mempunyai daya kepimpinan (Johnston & Watson 2004; Hermens & Clarke 2009; Brecko 2003). Penglibatan pelajar dalam akademik dan aktiviti sosial merupakan penyumbang kepada kejayaan pelajar dan petunjuk bagi kualiti sesebuah institusi pengajian tinggi (Kuh et al. 2006; Jamaludin et al., 2009; Mulder, 2009; Rye, 2008).

Kefahaman dan pengetahuan pelajar tentang kaedah kontrak pembelajaran di universiti adalah penting bagi melancarkan pelaksanaan semua aktiviti kokurikulum (Lemieux 2001). Ini dibuktikan melalui kajian Tuohy & Bailey (2009) yang mendapati faktor sokongan daripada kakitangan akademik dan penyaluran ilmu pengetahuan berkaitan teori sebelum melaksanakan program dan aktiviti adalah faktor yang mempengaruhi kejayaan pelaksanaan kontrak pembelajaran di universiti.

KAEDAH KAJIAN

Satu set soal selidik dibangunkan dan digunakan sebagai alat untuk memperoleh maklumat daripada responden. Soal selidik ini yang mengandungi 43 soalan dalam dua bentuk penilaian iaitu: respon persetujuan responden (setuju dan tidak setuju) dan Skala Likert 5 tahap. Kedua-dua penilaian ini digunakan untuk menilai lima kategori umum, iaitu;

1. Tahap kefahaman pelajar terhadap kontrak pembelajaran - konsep dan pengoperasian.
2. Kemampuan mencapai hasil pembelajaran.
3. Keberkesanan kaedah penyampaian - penyaluran maklumat dan kaedah pengoperasian.
4. Penilaian pelajar dalam melaksanakan kontrak pembelajaran.

5. Implikasi pelaksanaan dan hasil pembelajaran kepada pelajar.

Soal selidik yang dibangunkan ini diuji terlebih dahulu tahap kebolehpercayaan dan keesahannya. Konsistensi dalaman diukur dengan ujian alpha Cronbach. Seramai 51 responden dipilih daripada kalangan pelajar yang menghadiri Bengkel TOT. Responden terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa tertinggi kepimpinan persatuan pelajar dan pelajar tahun satu UKM. Responden juga merupakan kumpulan pertama pelajar yang telah didedahkan tentang konsep dan pelaksanaan kontrak pembelajaran serta telah melaksanakannya. Kaedah ini dipilih kerana ia merupakan kaedah paling berkesan untuk menghuraikan dan menerangkan tentang tahap kefahaman, kesedaran dan pengetahuan pelajar terhadap pelaksanaan kontrak pembelajaran.

HASIL KAJIAN

Tahap kefahaman pelajar terhadap kontrak pembelajaran

Untuk mencapai tahap kefahaman pelajar terhadap kontrak pembelajaran Pusat Akreditasi Pembelajaran (PAP) UKM menyediakan (1) Garis Panduan Kokurikulum Berkredit Berasaskan Kontrak Pembelajaran dan (2) Panduan Prasiswazah Pusat Akreditasi Pembelajaran bagi membantu pelajar memahami konsep kontrak pembelajaran. Di samping itu, penerangan dan latihan dijalankan terhadap kumpulan sasaran iaitu, pentadbiran akademik fakulti, persatuan-persatuan pelajar, kelab dan persatuan serta Majlis Perwakilan Pelajar.

Hasil kajian ini mendapati tahap kefahaman pelajar terhadap kontrak pembelajaran yang dilaksanakan adalah tinggi dengan min di antara 4.06 hingga 4.24 terhadap empat elemen utama iaitu konsep kontrak pembelajaran, tujuan ianya dilaksanakan, cara pelaksanaan dan mekanisme permohonan (Jadual 1).

JADUAL 1: Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Kontrak Pembelajaran

| Kefahaman Pelajar | Sangat Tidak Faham | | Tidak Faham | | Tidak Pasti | | Faham | | Sangat Faham | | Min |
|--|--------------------|---|-------------|-----|-------------|------|-------|------|--------------|------|------|
| | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | |
| 1. Faham apa itu kontrak pembelajaran | 0 | 0 | 0 | 0.0 | 4 | 7.8 | 35 | 68.7 | 12 | 23.5 | 4.16 |
| 2. Faham tujuan kontrak pembelajaran | 0 | 0 | 0 | 0.0 | 4 | 7.8 | 31 | 60.8 | 16 | 31.4 | 4.24 |
| 3. Faham bagaimana pelaksanaan kontrak pembelajaran dilaksanakan | 0 | 0 | 1 | 2.0 | 5 | 9.8 | 35 | 68.6 | 10 | 19.6 | 4.06 |
| 4. Faham kaedah mengisi borang kontrak pembelajaran | 0 | 0 | 0 | 0.0 | 6 | 11.8 | 36 | 70.6 | 9 | 17.6 | 4.06 |

Nota: f = Kekerapan penilaian, N = 51

Secara umumnya, lebih 92 peratus responden memahami konsep dan tujuan kontrak pembelajaran manakala lebih 88.2 peratus tahu kaedah dan mekanisme pelaksanaannya. Tahap pemahaman yang tinggi ini menunjukkan maklumat dan penerangan yang diberikan telah mencapai matlamat dan mencukupi dengan ruang penambahbaikan yang minimum.

Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Kontrak Pembelajaran

Tahap pemahaman pelajar yang dinilai secara umum (elemen dalam Jadual 1) diperincikan semula bagi menilai pengetahuan pelajar

terhadap setiap elemen dalam kontrak pembelajaran. Soalan-soalan yang dibina berbentuk pernyataan negatif dan positif bagi memastikan sama ada konsep dan elemen dalam kontrak pembelajaran benar-benar difahami dan dihayati oleh pelajar. Hasil kajian mendapati bagi pernyataan yang negatif tahap pengetahuan pelajar berada pada tahap yang sangat baik (min antara 1.63 hingga 1.98, Jadual 2). Secara umumnya, lebih 88.2 peratus responden memahami dengan jelas elemen-elemen dalam kontrak pembelajaran kecuali bagi elemen 2 dan elemen 5 iaitu bentuk pelaksanaan dan pengiraan gred kontrak pembelajaran (Jadual 2).

JADUAL 2: Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Kontrak Pembelajaran (Elemen Negatif)

| | Pernyataan | Betul | | Salah | | Min |
|----|---|-------|------|-------|------|------|
| | | f | % | f | % | |
| 1. | Pendaftaran kontrak pembelajaran adalah sama seperti pendaftaran kursus-kursus akademik lain | 7 | 14.0 | 43 | 86.0 | 1.86 |
| 2. | Pelaksanaan kontrak pembelajaran boleh dibuat melalui kuliah/kursus | 18 | 37.5 | 30 | 62.5 | 1.63 |
| 3. | Pemilihan penyelia hanya boleh dibuat daripada kalangan pensyarah fakulti masing-masing sahaja | 1 | 2.0 | 50 | 98.0 | 1.98 |
| 4. | Kontrak pembelajaran mesti diselesaikan dalam 2 semester | 3 | 6.0 | 47 | 94.0 | 1.94 |
| 5. | Gred kontrak pembelajaran tidak dikira dalam PNGK | 13 | 27.1 | 35 | 72.9 | 1.73 |
| 6. | Pelajar tidak perlu menyediakan laporan selepas selesai melaksanakan aktiviti/projek kontrak pembelajaran | 5 | 10.0 | 45 | 90.0 | 1.90 |
| 7. | Anda mesti menyelesaikan 6 hasil pembelajaran bagi melengkapkan kokurikulum berkredit | 6 | 11.8 | 45 | 88.2 | 1.88 |
| 8. | Kontrak pembelajaran terhad dilaksanakan dalam semester tertentu sahaja | 3 | 6.0 | 47 | 94.0 | 1.94 |

Nota: f = Kekerapan penilaian, N = 51

Bagi pernyataan yang berbentuk positif pula, tahap pengetahuan pelajar berada pada min yang tinggi iaitu di antara 1.86 hingga 2.0 (Jadual 3). Umumnya, lebih 86 peratus responden memahami dengan jelas elemen-elemen yang ada dalam kontrak pembelajaran. Apa yang lebih memberangsangkan ialah tahap pengetahuan dan pemahaman bagi elemen 3 hingga elemen 10 menunjukkan lebih 96.1 peratus.

JADUAL 3: Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Kontrak Pembelajaran (Elemen Positif)

| | Pernyataan | Betul | | Salah | | Min |
|-----|--|-------|-------|-------|------|------|
| | | f | % | f | % | |
| 1. | Aktiviti/projek kontrak pembelajaran hanya boleh didaftarkan sekiranya mempunyai sekurang-kurangnya 15 orang pelajar | 43 | 86.0 | 7 | 14.0 | 1.86 |
| 2. | Usulan/proposal aktiviti projek dan pelaksanaan kontrak pembelajaran mestilah daripada pelajar | 44 | 88.0 | 6 | 12.0 | 1.88 |
| 3. | Pelaksanaan kontrak pembelajaran mesti dipersetujui bersama oleh pelajar dan penyelia | 49 | 96.1 | 2 | 3.9 | 1.96 |
| 4. | Kontrak pembelajaran mesti memenuhi 320 jam notional | 45 | 90.0 | 5 | 10.0 | 1.90 |
| 5. | Semua kemahiran insaniah (soft skills) boleh dicapai melalui kontrak pembelajaran | 48 | 96.0 | 2 | 4.0 | 1.96 |
| 6. | Kontrak pembelajaran mewujudkan ciri-ciri keseronokan (enjoyable) ketika melakukan aktiviti/projek | 51 | 100.0 | 0 | 0.0 | 2.00 |
| 7. | Kontrak pembelajaran menekankan konsep keaslian (authentic) idea | 49 | 96.1 | 2 | 3.9 | 1.96 |
| 8. | Kontrak pembelajaran menekankan konsep pengalaman pembelajaran (experiential learning) | 51 | 100.0 | 0 | 0.0 | 2.00 |
| 9. | Kontrak pembelajaran menekankan konsep pengalaman pembelajaran menyeluruh (total learning experience) | 50 | 98.0 | 1 | 2.0 | 1.98 |
| 10. | Kontrak pembelajaran menekankan konsep sikap saling mempercayai dan jujur (honour) | 51 | 100.0 | 0 | 0.0 | 2.00 |

Nota: f = Kekerapan penilaian, N = 51

Persetujuan dan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kontrak pembelajaran

Pemahaman yang jelas terhadap konsep kontrak pembelajaran yang dilaksanakan di UKM terhasil dari sumber maklumat yang mencukupi dan penerangan yang jelas kepada pelajar. Dengan informasi dan pemahaman yang jelas, tahap persetujuan pelajar untuk melaksanakan kontrak pembelajaran dijangka tinggi. Ini terbukti apabila hasil kajian menunjukkan secara puratanya lebih 88.9 peratus responden dapat menerima pelaksanaan pendekatan baru ini.

Berdasarkan 10 elemen yang dianalisis, min setiap elemen adalah antara 4.02 hingga 4.46 (Jadual 4). Walaupun kesemua elemen mendapat persetujuan lebih dari 80 peratus responden, namun elemen 1 (pelaksanaan di UKM) dan elemen 7 (pelantikan kepakaran luar) perlu diperkukuhkan lagi melalui penjelasan yang lebih mendalam.

JADUAL 4: Persetujuan dan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kontrak pembelajaran

| | Pernyataan | Sangat Tidak setuju | | Tidak setuju | | Tidak pasti | | Setuju | | Sangat setuju | | Min |
|-----|---|---------------------|---|--------------|-----|-------------|------|--------|------|---------------|------|------|
| | | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | |
| 1. | Bersetuju kontrak pembelajaran dilaksanakan di UKM | 0 | 0 | 3 | 5.9 | 7 | 13.7 | 27 | 52.9 | 14 | 27.5 | 4.02 |
| 2. | 8 Hasil Pembelajaran (HP) dapat dicapai melalui kontrak pembelajaran | 0 | 0 | 1 | 2.0 | 4 | 7.8 | 29 | 56.9 | 17 | 33.3 | 4.22 |
| 3. | Kokurikulum berasaskan kontrak pembelajaran hanya dilaksanakan di UKM | 0 | 0 | 2 | 4.1 | 5 | 10.2 | 20 | 40.8 | 22 | 44.9 | 4.27 |
| 4. | UKM mampu melaksanakan kontrak pembelajaran | 0 | 0 | 1 | 2.0 | 3 | 5.9 | 33 | 64.7 | 14 | 27.5 | 4.18 |
| 5. | Aktiviti/projek boleh dilaksanakan di mana-mana pusat pembelajaran di UKM | 0 | 0 | 1 | 2.0 | 4 | 8.0 | 27 | 54.0 | 18 | 36.0 | 4.24 |
| 6. | Aktiviti/ projek boleh dilaksanakan bersama organisasi luar UKM | 0 | 0 | 2 | 3.9 | 6 | 11.8 | 26 | 51.0 | 17 | 33.3 | 4.14 |
| 7. | Kepakaran luar boleh dilantik sebagai penyelia kedua | 0 | 0 | 1 | 2.0 | 9 | 17.6 | 24 | 47.1 | 17 | 33.3 | 4.12 |
| 8. | Pelaksanaan kontrak pembelajaran memberi kebebasan kepada anda untuk memilih aktiviti yang diminati | 0 | 0 | 1 | 2.0 | 1 | 2.0 | 26 | 51.0 | 23 | 45.1 | 4.39 |
| 9. | Kontrak pembelajaran menggalakkan pelajar menghasilkan idea-idea baru dan asli (authentic) | 0 | 0 | 0 | 0.0 | 1 | 2.0 | 25 | 50.0 | 24 | 48.0 | 4.46 |
| 10. | Jumlah 320 jam notional mencukupi untuk menyelesaikan kontrak pembelajaran | 0 | 0 | 0 | 0.0 | 4 | 7.8 | 26 | 51.0 | 21 | 41.2 | 4.33 |

Nota: f= Kekerapan penilaian, N= 51

Pengalaman Melaksanakan Kontrak Pembelajaran

Maklumat yang mencukupi dan jelas merupakan faktor utama bagi membolehkan pelaksanaan kontrak pembelajaran dijalankan dengan jayanya. Hasil analisis menunjukkan responden dapat menghayati konsep baru yang diketengahkan ini. Berdasarkan pengalaman

melaksanakan sendiri kontrak pembelajaran ini, responden mengakui bahawa kelapan-lapan prinsip kontrak pembelajaran (Elemen 1-8, Jadual 5) telah dicapai (min antara 3.98 hingga 4.25). Hasil yang positif juga dilihat ke atas pencapaian kesemua hasil pembelajaran (Elemen 9-16, Jadual 5) dengan min antara 4.00 hingga 4.18).

JADUAL 5: Pengalaman melaksanakan kontrak pembelajaran

| | Pernyataan | Sangat Tidak Setuju | | Tidak Setuju | | Tidak Pasti | | Setuju | | Sangat Setuju | | Min |
|-----|---|---------------------|-----|--------------|-----|-------------|------|--------|------|---------------|------|------|
| | | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | |
| 1. | Merasa seronok (enjoyable) melaksanakan aktiviti projek | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 11 | 21.6 | 33 | 64.7 | 7 | 13.7 | 3.92 |
| 2. | Dapat memacu sendiri (student driven) melalui aktiviti/projek | 0 | 0.0 | 1 | 2.0 | 4 | 7.8 | 36 | 70.6 | 10 | 19.6 | 4.08 |
| 3. | Dapat meningkatkan kemahiran insaniah (soft skill) setelah melakukan aktiviti/projek | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 2 | 3.9 | 34 | 66.7 | 15 | 29.4 | 4.25 |
| 4. | Dapat melaksanakan aktiviti/projek secara luwes (flexible) | 0 | 0.0 | 1 | 2.0 | 4 | 7.8 | 36 | 70.6 | 10 | 19.6 | 4.08 |
| 5. | Dapat belajar melalui pengalaman (experiential learning) menerusi aktiviti/projek | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 3 | 5.9 | 34 | 66.7 | 14 | 27.5 | 4.22 |
| 6. | Dapat membina sikap saling mempercayai dan jujur (honour) melalui aktiviti/projek | 1 | 2.0 | 0 | 0.0 | 2 | 3.9 | 36 | 70.6 | 12 | 23.5 | 4.15 |
| 7. | Dapat pengalaman pembelajaran menyeluruh (total learning experience) daripada aktiviti/projek | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 6 | 11.8 | 31 | 60.8 | 14 | 27.5 | 4.16 |
| 8. | Dapat menghasilkan idea-idea baru dan asli (authentic) menerusi aktiviti/projek | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 9 | 17.6 | 30 | 58.8 | 12 | 23.5 | 4.06 |
| 9. | Mampu menguasai kemahiran sosial dan kebertanggungjawaban melalui aktiviti/projek yang dijalankan | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 5 | 9.8 | 35 | 68.6 | 11 | 21.6 | 4.12 |
| 10. | Mampu menguasai kemahiran komunikasi melalui aktiviti/projek yang dijalankan | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 5 | 9.8 | 34 | 66.7 | 12 | 23.5 | 4.14 |

| | | | | | | | | | | | | |
|-----|---|---|-----|---|-----|---|------|----|------|----|------|------|
| 11. | Mampu menguasai kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat melalui aktiviti/projek yang dijalankan | 0 | 0.0 | 1 | 2.0 | 5 | 9.8 | 35 | 68.6 | 10 | 19.6 | 4.06 |
| 12. | Mampu menguasai nilai, sikap, etika dan profesionalisme melalui aktiviti/projek yang dijalankan | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 4 | 7.8 | 34 | 66.7 | 13 | 25.5 | 4.18 |
| 13. | Mampu menguasai kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan pendekatan saintifik melalui aktiviti/projek yang dijalankan | 0 | 0.0 | 1 | 2.0 | 5 | 9.8 | 35 | 68.6 | 10 | 19.6 | 4.06 |
| 14. | Mampu menguasai kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan melalui aktiviti/projek yang dijalankan | 1 | 2.0 | 0 | 0.0 | 5 | 9.8 | 32 | 62.7 | 13 | 25.5 | 4.10 |
| 15. | Mampu menguasai kemahiran pengurusan dan keusahawanan melalui aktiviti/projek yang dijalankan | 0 | 0.0 | 1 | 2.0 | 8 | 15.7 | 32 | 62.7 | 10 | 19.6 | 4.00 |
| 16. | Mampu menguasai kemahiran kreatif dan inovatif melalui aktiviti/projek yang dijalankan | 0 | 0.0 | 2 | 3.9 | 6 | 11.8 | 32 | 62.7 | 11 | 21.6 | 4.02 |

Nota: f = Kekurangan penilaian, N= 51

Kejayaan menghayati prinsip kontrak pembelajaran dan mencapai hasil pembelajaran menunjukkan kontrak pembelajaran berada pada landasan yang betul untuk dilaksanakan secara meluas. Pelaksanaan kontrak pembelajaran ini juga telah berjaya membuktikan bahawa ianya tidak mengganggu perkembangan dan perjalanan akademik seharian pelajar. Berdasarkan enam elemen yang dinilai, min adalah antara 1.98 hingga 2.88 (Jadual 6).

JADUAL 6: Pandangan responden terhadap pengaruh pelaksanaan kontrak pembelajaran terhadap kehidupan mereka

| Pernyataan | Sangat Tidak Setuju | | Tidak Setuju | | Tidak Pasti | | Setuju | | Sangat Setuju | | Min |
|---|---------------------|------|--------------|------|-------------|------|--------|------|---------------|-----|------|
| | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | |
| 1. Masa senggang untuk bersosial terbatas | 7 | 13.7 | 10 | 19.6 | 22 | 43.1 | 10 | 19.6 | 2 | 3.9 | 2.80 |
| 2. Tumpuan terhadap pembelajaran akademik terganggu | 5 | 9.8 | 14 | 27.5 | 24 | 47.1 | 8 | 15.7 | 0 | 0.0 | 2.69 |
| 3. Stres (tertekan) | 2 | 3.9 | 18 | 35.3 | 17 | 33.3 | 12 | 23.5 | 2 | 3.9 | 2.88 |
| 4. Tidak dapat pulang ke kampung untuk bersama keluarga | 5 | 10.0 | 16 | 32.0 | 18 | 36.0 | 10 | 20.0 | 1 | 2.0 | 2.72 |
| 5. Masa rehat/tidur terjejas | 4 | 7.8 | 23 | 45.1 | 16 | 31.4 | 7 | 13.7 | 1 | 2.0 | 2.57 |
| 6. Tidak memberi sebarang faedah kepada saya | 18 | 35.3 | 19 | 37.3 | 12 | 23.5 | 1 | 2.0 | 1 | 2.0 | 1.98 |

Nota: f= Kekerapan penilaian, N= 51

Pemahaman terhadap konsep kontrak pembelajaran dan pengalaman pelaksanaannya adalah dua perkara yang berbeza yang mampu mengubah perspektif setiap pelajar. Hasil analisis menunjukkan walaupun tahap kefahaman dan keyakinan pelajar terhadap prinsip kontrak pembelajaran ini adalah tinggi (min antara 4.70 hingga 5.00). Pengalaman mereka melaksanakan aktiviti dengan pendekatan baru ini membolehkan pelajar memberikan pandangan sebenar. Hasil analisis mendapati nilai min bagi setiap prinsip menurun (nilai min antara 3.92 hingga 4.25) tetapi masih berada pada tahap yang sangat baik (Jadual 7).

JADUAL 7: Perbandingan min kefahaman responden sebelum dan selepas melaksanakan kontrak pembelajaran

| Prinsip Kontrak Pembelajaran | Min Kefahaman Sebelum Pelaksanaan | Min Kefahaman Selepas Pelaksanaan |
|---|-----------------------------------|-----------------------------------|
| 1. Menyeronokan (enjoyable) | 5.00 | 3.92 |
| 2. Pemacu sendiri (student driven) | 4.70 | 4.08 |
| 3. Meningkatkan kemahiran insaniah (soft skill) | 4.90 | 4.25 |
| 4. Pembelajaran secara luwes (flexible) | 4.67 | 4.08 |
| 5. Pengalaman-pembelajaran (experiential learning) | 5.00 | 4.22 |
| 6. Saling mempercayai dan jujur (honour) | 5.00 | 4.15 |
| 7. Pengalaman pembelajaran menyeluruh (total learning experience) | 4.95 | 4.16 |
| 8. Menghasilkan idea-idea baru dan asli (authentic) | 4.90 | 4.06 |

N= 51

Apa yang lebih memberangsangkan lagi ialah apabila pelajar mengakui kesemua hasil pembelajaran dapat dicapai dengan pelaksanaan pendekatan baru ini. Nilai min bagi kesemua hasil pembelajaran berada pada nilai 4.00 hingga 4.18 (Jadual 8). Pencapaian yang tinggi ini sememangnya menjadi hasrat universiti.

JADUAL 8: Keyakinan responden terhadap pencapaian hasil pembelajaran selepas melaksanakan kontrak pembelajaran

| Pencapaian Hasil Pembelajaran | Min |
|--|------|
| 1. Mampu menguasai kemahiran sosial dan kebertanggungjawaban | 4.12 |
| 2. Mampu menguasai kemahiran komunikasi | 4.14 |
| 3. Mampu menguasai kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat | 4.06 |
| 4. Mampu menguasai nilai, sikap, etika dan profesionalisme | 4.18 |
| 5. Mampu menguasai kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan pendekatan saintifik | 4.06 |
| 6. Mampu menguasai kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan | 4.10 |
| 7. Mampu menguasai kemahiran pengurusan dan keusahawanan | 4.00 |
| 8. Mampu menguasai kemahiran kreatif dan inovatif | 4.02 |

| | | | |
|---|------|---|------|
| Ambil berat terhadap pelajaran | 4.16 | } Kemahiran Sosial dan kebertanggung-jawaban | 4.15 |
| Ambil berat terhadap rakan | 4.16 | | |
| Bertanggungjawab atas tindakan sendiri | 4.12 | | |
| Menghargai alam | 4.16 | | |
| Melibatkan diri dalam kempen alam sekitar | 3.98 | | |
| Menyokong perpaduankaum | 4.26 | | |
| Tiada masalah bergaul | 4.12 | | |
| Simpati kepada yang kurang bernasib baik | 4.22 | | |
| <u>Elemen Hasil Pembelajaran 2</u> | | | |
| Menggunakan bahasa badan sebagai pengukuhan | 4.22 | } Kemahiran Komunikasi | 4.04 |
| Mampu member idea secara lisan dan spontan | 4.02 | | |
| Boleh berhadapan dengan orang lain | 4.12 | | |
| Tiada masalah bertutur bahasa Inggeris | 3.78 | | |
| <u>Elemen Hasil Pembelajaran 3</u> | | | |
| Mahir mengendalikan perisian | 3.78 | } Pengurusan maklumat & pembelajaran sepanjang hayat | 3.89 |
| Kemahiran dapat digunakan dalam kehidupan | 4.08 | | |
| Mahir mengumpul dan mengurus maklumat | 3.82 | | |
| <u>Elemen Hasil Pembelajaran 4</u> | | | |
| Boleh bekerja dengan sesiapa sahaja | 3.96 | } Nilai, sikap, etika dan profesionalism | 4.03 |
| Melakuan kerja sehingga orang lain berpuashati | 4.00 | | |
| Sedia membantu | 4.12 | | |
| Bekerja dengan mematuhi peraturan | 4.04 | | |
| <u>Elemen Hasil Pembelajaran 5</u> | | | |
| Boleh mengenalpasti masalah orang lain | 3.90 | } Pemikiran kritikal, penyelesaian masalah & pendekatan saintifik | 3.93 |
| Dapat menghuraikan masalah dengan terperinci | 3.86 | | |
| Dapat pengalaman dan segala sumber maklumat yang ada sebelum membuat sebarang keputusan | 4.02 | | |
| <u>Elemen Hasil Pembelajaran 6</u> | | | |
| Boleh menjadi ketua dan pengikut bila diperlukan | 4.20 | } Kepimpinan & kerja berpasukan | 3.93 |
| Kerap dipilih memimpin | 3.88 | | |
| Tidak memberi masalah kepada rakan sepasukan | 3.70 | | |
| <u>Elemen Hasil Pembelajaran 7</u> | | | |
| Boleh memberi idea dan cadangan untuk aktiviti | 3.96 | } Pengurusan & keusahawanan | 4.13 |
| Mencapai matlamat yang ditetapkan | 4.26 | | |
| Boleh merancang, melaksana, memantau dan menilai aktiviti | 4.08 | | |
| Boleh berkerjasama | 4.22 | | |
| <u>Elemen Hasil Pembelajaran 8</u> | | | |
| Meneroka sumber terkini untuk mendapatkan kreativiti dan inovatif | 3.98 | } Kreatif dan inovatif | 4.09 |
| Berusaha menambah baik idea yang sedia ada | 4.16 | | |
| menggunakan semua peluang sebaik mungkin | 4.14 | | |

Impak Pelaksanaan Kontrak Pembelajaran Terhadap Pelajar 4.02

RAJAH 2: Min Implikasi Kontrak Pembelajaran Terhadap Pembangunan Insaniah Pelajar

Implikasi Kontrak Pembelajaran Terhadap Pelajar

Secara keseluruhannya, pandangan pelajar dalam melaksanakan kontrak pembelajaran untuk aktiviti kokurikulum bercredit ini amat memberangsangkan. Pengalaman melaksanakan pendekatan baru ini sudah tentu terbina melalui kefahaman yang jelas terhadap konsep kontrak itu sendiri dan kaedah melaksanakannya.

Hasil analisis jelas menunjukkan bahawa pelajar merasakan kesannya atau implikasi terhadap kemahiran insaniah yang dibina. Matlamat universiti dalam menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif berasaskan lapan prinsip kontrak tersebut sudah mula dirasai oleh pelajar. Hasil kajian mendapati daripada 32 elemen dalam 8 hasil pembelajaran, hanya 11 elemen sahaja yang berada di bawah min 4.00 tetapi masih dalam tahap Baik (Rajah 2).

Berdasarkan lapan hasil pembelajaran, hanya 3 hasil pembelajaran sahaja yang perlu diberi pengukuhan iaitu HP3 (pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat), HP5 (keimpinan dan kerja sepasukan) dan HP6 (pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan pendekatan saintifik). Secara keseluruhan, kesemua lapan hasil pembelajaran menunjukkan nilai min 4.02 dan berada pada tahap Sangat Baik. Walau bagaimanapun, usaha perlu terus dipertingkatkan bagi mengukuhkan hasil yang sangat baik ini dan tumpuan harus diberikan kepada elemen-elemen hasil pembelajaran yang nilai min berada di bawah 4.00.

KESIMPULAN

Pelaksanaan kontrak pembelajaran terhadap aktiviti kokurikulum bercredit di UKM telah menunjukkan hasil seperti mana yang diharapkan. Kajian ini merupakan dapatan awal bagi kumpulan pertama yang diberikan penerangan dan maklumat tentang kontrak pembelajaran serta yang pertama melaksanakannya. Usaha yang berterusan bagi mendapatkan reaksi pelajar akan diteruskan bagi menambahbaik serta mengukuhkan kesemua elemen dalam lapan hasil pembelajaran yang ditetapkan. Kejayaan pelaksanaan kontrak pembelajaran ini secara keseluruhannya memakan masa dengan pelbagai penilaian lain

yang perlu diperkemas. Bagaimanapun, ianya bukan sesuatu yang mustahil dicapai dan perlu dilakukan bagi membantu membangunkan pelajar dengan kemahiran insaniah yang tinggi.

RUJUKAN

- Brecko, D. 2003. Learning contract: a new tool for managing knowledge. Knowledge Society –Challenges to Management Globalisation, Regionalism and EU Enlargement Process Proceedings of the 4th International Conference of the Faculty of Management Koper, University of Primorska. 20-22 November 2003.
- Brockett, R. G. & Hiemstra, R. 1991. Self-Direction, in *Adult Learning*, Jossey-Bass. San Francisco CA pp. 100-145.
- Brookfield, S.D. 1986. *Understanding and facilitating adult learning*. Milton Keynes: Open University.
- Canham, J. & Bennett, J. 2002. *Mentorship in community nursing: challenges and opportunities*. United Kingdom: Blackwell Science.
- Collins, S. & Ottley, G. 1986. Practice teaching: reactions, steps before reaction, and some steps for the future, *Social Work Education*, 6(1):11-15.
- Coulshed, V. 1993. Adult learning: implications for teaching social work education, *British Journal of Social Work*, 23:1-13.
- Cross, V. 1996. Introducing learning contracts into physiotherapy clinical education. *Physiotherapy*, 82(1):21-27.
- Dart, B. & Clarke, J. 1991. Helping students become better learners: a case study in teacher education. *Higher Education*, 22:317-335.
- Davis, L. 1993. Feminism and constructivism: teaching social work practice with women, *Journal of Teaching in Social Work*, 8(1/2):147-163.
- Dore, M. M. 1994. Feminist pedagogy and the teaching of social work practice, *Journal of Social Work Education*, 30(1):97-106.
- Fox, R. & Zischka, P. 1989. The Weld instruction contract: a paradigm for effective learning, *Journal of Teaching in Social Work*, 3(1):103-116.
- Freedberg, S. 1989. Self determination: historical perspectives and effects on current practice, *Social Work*, 34(1):33-38.

- Goriunova, O. 2010. Investigations in university teaching and learning. *Journal of Contracting for Creativity: the use of learning contracts in assessing creativity*. 6(2):144-151.
- Hardigan, P. 1994. Investigation of learning contracts in pharmaceutical education. *American Journal of Pharmaceutical Education*, 58:386-390.
- Hermens, A. & Clarke, E. 2009. Integrating blended teaching and learning to enhance graduate attributes. *Journal of Education and Training*. 51 (5/6): 476-490.
- Huff, M. T. & Johnson, M. M. 1998. Empowering students in a graduate level social work course. *Journal of Social Work Education*, 34(3):375-385.
- Jamaludin Haji Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih & Norhafezah Yusof. 2009. *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Johnston, B. & Watson, A. 2004. Participation, reflection and integration for business and lifelong learning: Pedagogical challenges of the integrative studies programme at the University of Strathclyde Business School. *Journal of Workplace Learning*. 16 (1/2): 53-62.
- Jumali Hj. Selamat, Khaidzir Hj. Ismail & Shaharuddin Ahmad, 2010. Objektif dan faedah berpersatuan. Dlm. Shahruddin Ahmad, Khaidzir Hj. Ismail & Jumali Hj. Selamat (pnyt). *Mengurus Persatuan : Proses dan Kemahiran*, Bangi : Penerbit UKM
- Knowles, M. 1980. *The modern practice of adult education: from pedagogy to andragogy*, Englewood Cliffs NJ: Prentice Hall Resents.
- Knowles, M. 1984. *The adult learner: a neglected species*. Gulf, Houston.
- Knowles, M. 1986. *Using learning contracts*. San Francisco CA: Jossey-Bass,
- Kuh, G. D., Kinzie, J., Gruce, T., Shoup, R., & Gonyea, R. M. 2006. Connecting the Dots: Multi-Faceted Analyses of The Relationships Between Student Engagement Results From The NSSE, and The Institutional Pratices and Conditions That Foster student Success. National Survey of Student Engagement, Indiana University Center for Post Secondary Research and Planning.
- Lemieux, C. M. 2001. Learning contracts in the classroom: tools for empowerment and accountability. *Journal of Social Work Education*. 20(2):263-276.
- Mahoney, J. L., Cairns, B. D. & Farmer, T. W. 2003. Promoting interpersonal competence and educational success through extracurricular activity participation. *Journal of Educational Psychology*. 95(2): 409-418.
- Martens, K. 1981. Self-directed learning: an option for nursing education. *Nursing Outlook*, 29:472-477.
- McAllister, M. 1996. Learning contracts: an Australian experience. *Nurse Education Today*, 16:199-205.
- Merriam, S. & Caffarella, R. 1991. *Learning in Adulthood*, San Francisco CA: Jossey-Bass.
- Mulder, M., Gulikers, J., Biemans, H. & Wesselink, R. 2009. The new competence concept in higher education: error or enrichment? *Journal of European Industrial Training*. 33(8/9): 755-770.
- Othman Hussain, Mohd Salleh Berhannudin, al-Edrus Syed Muhammad Dawilah & Sulaiman Abdullah. 2008. Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBM dan PBMBP) Bagi Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar. *Journal of Human Capital Development*. 1(1): 61-73.
- Parsons, J. E. & Durst, D. 1992. Learning contracts: misunderstood and underutilized, *The Clinical Supervisor*, 10(1):145-156.
- Rye, K. J. 2008. Perceived benefits of the use of learning contracts to guide clinical education in respiratory care students. *Journal of Respiratory Care*. 53(11): 1475- 1481.
- Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, 2011. *Ucaptama : Sanggar Kerja Pemantapan Kepengetuaan Kolej* 2011. Sutera Harbour, Kota Kinabalu, Sabah. 1-3 April.
- Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, Hassan Basri, Riza Atiq Abdullak O. K. Rahmat, Khaidzir Hj. Ismail, Jumali Hj. Selamat, Roslee Rajikan, Kadir Arifin dan Salina Ibrahim. 2011. *Kokurikulum Berkredit Berasaskan Kontrak Pembelajaran*. Bangi: Pusat Akreditasi Pembelajaran UKM.
- Sweitzer, H. F. & King, M. A. 2008. *The successful internship: personal, professional, and civic development*. 3rd Edition). United States: Nelson Education, Ltd.
- Tuohy, D. & Bailey, M. E. 2009. Student nurses' experiences of using a learning contract as a method of assessment. *Journal of Nurse Education Today*. 29: 758-762.
- Wilson J. & Cutting L. 2001. *Contracts for independent learning: engaging students in the middle years*. Australia: Curriculum Corporation.

Wilson, S. J. 1981. *Field instruction: techniques for supervisors*, New York: The Free Press.

Jumali Hj. Selamat (Dr.)
Pusat Akreditasi Pembelajaran,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: jumali@ukm.my

Khaidzir Ismail (Prof. Madya Dr.)
Pusat Akreditasi Pembelajaran,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: izay@ukm.my

Kadaruddin Aiyub (Prof. Madya Dr.)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: kada@ukm.my

Kadir Arifin (Prof. Madya Dr.)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: kadir@ukm.my

Lukman @ Zawawi Mohamad (Prof. Madya Dr.)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: zawawi@ukm.my

Roslee Rajikan (Dr.)
Fakulti Sains Kesihatan
Jalan Yaacob Latif,
Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur. Malaysia.
E-mel: chocshake72@yahoo.com

Azahan Awang (Dr.)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: azahan@ukm.my

Mohd. Helmi Abd Rahim (Encik)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: mhelmi@ukm.my

Norfadillah Derahim (Cik)
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: norfadillah_derahim@yahoo.com